

03/04/1999

Pas diminta henti membuat `fatwa liar`

Anak Ahli Pas

SUATU perkara yang ketara dalam kempen Pas dan kumpulan yang menyokong reformasi akhir-akhir ini ialah penggunaan perkataan `zalim` dan `penindasan terhadap rakyat`.

Dalam ceramah mereka perkataan `zalim` tidak pernah terpisah seolah-oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kejam, jahat dan menyamai Firaun.

Apakah Malaysia ini menyamai rejim Israel yang bertindak zalim terhadap rakyat Arab dengan merampas wilayah mereka dan melakukan pelbagai sekatan?

Atau apakah negara ini menyamai Serbia yang melakukan penghapusan etnik dan pembunuhan beramai-ramai seperti yang berlaku di Bosnia-Herzegovina, Macedonia dan Kosovo? Sebagai rakyat biasa, saya bingung dan tidak begitu faham maksud `zalim` yang dimaksudkan.

Apa yang saya tahu, zalim ialah zalim kepada orang lain (contohnya pemerintah terhadap rakyat) dan zalim pada diri sendiri iaitu menyeksa diri daripada mendapat sesuatu yang diredai atau yang lebih baik.

Perkataan `zalim` dan `menindas rakyat` ini banyak tersembur daripada mulut pemimpin Pas selepas Dr Mahathir memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta Timbalan Presiden Umno.

Sebagai rakyat, saya melihat masalah pemecatan itu adalah urusan kerajaan dan Umno. Kalau ini dianggap zalim dan menindas rakyat, saya fikir anggapan tidak tepat dan boleh diperbahaskan.

Pasti ada sebab tersendiri menyebabkan Anwar dipecat, seperti juga penarikan diri Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri sebelum Anwar.

Sementara kes Anwar yang menghadapi pelbagai tuduhan masih di mahkamah biarlah mahkamah menentukan keputusannya. Jadi, apakah asas sebenar Pas dan Gerak menuduh BN zalim?

Menurut Harakah (19 Mac 1999), wujud konspirasi jahat pemimpin BN berasaskan perkembangan terkini di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan proses siasatan Suruhanjaya Diraja. Selain itu, Pas berkata BN wajar ditolak kerana pembinaan kediaman Perdana Menteri, kenaikan tol, masalah setinggan, menyelamatkan Renong Berhad melalui bon Plus, menyelamatkan MBf melalui Danamodal dan sebagainya.

Wajarkah langkah mengatasi masalah kegawatan ekonomi dan pembinaan kediaman rasmi Perdana Menteri (bukan untuk Dr Mahathir) dianggap zalim? Berasaskan tuduhan itu, Presiden Gerak yang juga Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor menyeru rakyat Malaysia yang berada di kota supaya memanfaatkan peluang raya di kampung sempena Aidiladha terus menggerakkan kesedaran masyarakat luar bandar terutama keluarga terdekat mengenai kezaliman dan penyalahgunaan kuasa oleh BN.

Berasaskan seruan Fadzil itu, ada tiga perkara yang perlu direnungi bersama:

* Seruan ini bukan seruan pertama Pas. Mereka juga melakukannya ketika Aidilfitri lalu.

* Apakah seruan memburuk-burukkan kerajaan ini tidak boleh dianggap sebagai dakwah dan berunsur subversif kerana ia mengajak dan menyemarakkan gerakan menentang kerajaan; dan

* Harakah yang menyiarkan seruan ke arah perbuatan yang boleh mengancam keamanan, turut bersubahat dengan Fadzil.

Apa yang sewajarnya dilakukan oleh Pas ialah mengajak rakyat supaya

berbaik-baik antara satu dengan lain, bukannya merenggangkan hubungan antara mereka.

Sewajarnya sebagai parti yang mendakwa memperjuangkan Islam, Pas sepatutnya menolak perbuatan mencaci kerajaan tetapi tidak tahulah kalau parti itu merasakan ini strategi terbaik memenangi pilihan raya. Walau apa pun, Pas tidak wajar menggunakan taktik ini ketika negara diancam kegawatan ekonomi.

Mengeksploit pergerakan rakyat balik kampung berhari raya bersama keluarga untuk membenci kerajaan adalah perbuatan yang sengaja mahu mengeruhkan suasana harmoni dan aman di negara ini.

Pas tidak wajar menjadikan penduduk bandar yang pulang ke kampung sebagai `ejen penabur fitnah' terhadap kerajaan dan pemimpinnya.

Seruan Presiden Pas yang berbunyi: "Usaha ini mesti dilakukan secara berterusan dan bersungguh-sungguh berikutan keangkuhan kerajaan BN yang terus menerus melakukan kezaliman dan penindasan terhadap rakyat", sangat berbahaya.

Ia menggambarkan betapa Pas tidak peka dengan tuntutan semasa yang menyeru ke arah perpaduan dan sokongan mengatasi masalah ekonomi.

Sebelum ini, Pas sudah menuduh Umno yang menjadi tulang belakang BN sebagai kafir dan taghut. Satu slogan Pas yang tidak pernah luput sejak pilihan raya umum 1964 ialah taktik kafir mengkafir. Pas mengeluarkan fatwa ini menggunakan ayat al-Quran yang bermaksud: "Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka adalah kafir." Malah, Pas pada akhir 1960-an sering mengkritik Umno kerana `berkongsi kuasa dengan orang kafir` melalui Perikatan ketika itu.

Menggunakan ayat al-Quran bermaksud: "Orang mukmin tidak dibolehkan mengambil orang kafir sebagai pemimpin selain daripada orang mukmin juga. Sesiapa yang melakukan demikian, orang berkenaan tidak daripada golongan Allah," Pas mengkafirkan orang Umno sewenang-wenangnya.

Namun, isu ini reda sedikit apabila Pas memasuki BN dan bertanding di bawah bendera yang sama pada 1974. Beberapa tahun kemudian, iaitu bermula pilihan raya 1978, Pas mengeluarkan fatwa baru lebih berat dengan mengkafirkan penyokong Umno dan beberapa larangan lain. Bukan sekadar kafir-mengkafir saja, malah Pas mengeluarkan fatwa bahawa anak orang Pas tidak boleh berkahwin dengan anak orang Umno dan sebaliknya, daging sembelihan orang Umno tidak boleh dimakan oleh orang Pas, nikah orang Umno tidak sah, orang Pas tidak boleh berimamkan orang Umno, dua imam sekiranya mati dalam Umno, nerakalah tempatnya bagi mereka ini.

Kini fatwa PAS terbaru selain kafir-mengkafir, ialah kerajaan BN zalim dan menindas rakyat. Saya sebenarnya kasihan melihat Dr Mahathir yang terpaksa ke sana sini untuk menjelas dan menepis `fatwa' dan tuduhan terbaru Pas itu.

Sewajarnya, Dr Mahathir diberikan ruang untuk merangka strategi tambahan mengatasi kegawatan yang menunjukkan tanda-tanda hampir pulih, bukan melayani tuduhan Pas yang semakin berunsur `subversif' itu. Apakah tidak ada jalan bagi diletakkan noktah kepada `fatwa liar' Pas seperti ini?